

LAMPIRAN 2
SEMAKAN SEMULA PREMIUM UNTUK <PPR / Pelan Tunggal>
Soalan lazim

NO	SOALAN	JAWAPAN
1.	Kenapakah anda menyemak semula premium saya?	<p>Semakan semula ini adalah perlu sejajar dengan kenaikan kos perubatan dan peningkatan tuntutan perubatan, yang terutamanya didorong oleh faktor-faktor berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Peningkatan kos perubatan dan rawatan. b) Penggunaan teknologi perubatan, ubat-ubatan dan peralatan baharu. c) Perubahan gaya hidup dengan peningkatan penyakit kronik seperti diabetes, kolesterol tinggi dan obesiti yang menyebabkan risiko kesihatan yang lebih tinggi serta penjagaan jangka panjang. d) Permintaan yang lebih tinggi terhadap penjagaan perubatan yang lebih baik. <p>Di Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, kami komited dalam memastikan anda bukan sahaja dilindungi, tetapi juga mendapat perkhidmatan dan rawatan perubatan setiap kali anda memerlukannya.</p>
2.	Bagaimanakah anda menentukan kuantum untuk semakan semula premium saya?	<p>Dalam menentukan semakan semula, kami mengambil kira pelbagai faktor seperti kos penjagaan kesihatan sebenar, inflasi penjagaan kesihatan semasa serta kemampuan kewangan pelanggan. Tahap peningkatan premium anda bergantung kepada umur, pekerjaan dan jantina anda, serta pelan tertentu yang anda pilih.</p>
3.	Apakah sebab semakan semula premium saya sedangkan saya tidak membuat sebarang tuntutan?	<p>Insurans perubatan beroperasi berdasarkan asas perkongsian risiko, di mana premium yang dikutip digunakan untuk membayar tuntutan. Oleh itu, semua polisi akan terjejas tidak kira sama ada anda pernah membuat sebarang tuntutan sebelum ini.</p>
4.	Bilakah premium saya akan disemak semula?	<p>Premium baharu akan berkuat kuasa pada tarikh ulang tahun polisi anda yang seterusnya pada atau selepas <tarikh penentuan semula harga>.</p>
5.	Adakah saya perlu membayar amaun premium yang berbeza selepas semakan semula?	<p>Ya, adalah wajib untuk anda membayar premium baharu seperti yang dinyatakan dalam surat bagi memastikan kelangsungan perlindungan anda.</p>
6.	Adakah semakan semula akan berlaku lagi pada masa depan?	<p>Kami secara berterusan mengkaji semula pelan perubatan kami berbanding kos penjagaan kesihatan secara berkala dan berusaha sedaya upaya dalam menguruskan kos penjagaan kesihatan secara aktif bersama rakan kongsi hospital kami. Sekiranya wujud keperluan untuk semakan semula pada masa depan, kami akan memaklumkan anda dengan sewajarnya.</p>
7.	Apakah pilihan saya selain membayar premium yang disemak semula?	<p>Adalah wajib untuk membayar premium baharu seperti yang dinyatakan dalam surat pada ulang tahun polisi seterusnya bagi memastikan kelangsungan perlindungan anda. Walau bagaimanapun, anda diberi pilihan / alternatif untuk menilai semula keperluan perubatan semasa anda dengan mempertimbangkan pilihan-pilihan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sekiranya kemampuan kewangan menjadi kebimbangan, anda boleh memilih untuk menurunkan taraf kepada pelan perubatan dengan perlindungan lebih rendah, dengan syarat pelan perubatan anda bukan pelan tahap terendah, dengan mengisi dan menghantar 'Borang Permintaan Perubahan' ke cawangan Zurich yang terdekat. Namun, anda harus menilai sama ada pelan perubatan yang bertahap lebih rendah adalah mencukupi untuk keperluan insurans perubatan anda dengan: <ul style="list-style-type: none"> i. Menghubungi Perancang Kekayaan anda; atau ii. Menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau menghantar e-mel kepada kami di callcentre@zurich.com.my; atau

		<p>iii. Melawat cawangan Zurich yang terdekat</p> <p>b) Anda boleh bertukar ke pelan perubatan lain yang ditawarkan oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad yang menyediakan perlindungan perubatan yang serupa atau lebih komprehensif. Namun, proses pengunderaitan standard serta terma dan syarat dikenakan.</p> <p>Adalah penting agar anda memahami perubahan yang anda ingini terhadap polisi insurans anda kerana amaun perlindungan anda mungkin terjejas.</p> <p>Untuk maklumat lanjut tentang produk sedia ada, sila layari laman web kami di www.zurich.com.my atau hubungi Perancang Kekayaan anda untuk maklumat dan bantuan lanjut. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau menghantar e-mel kepada kami di callcentre@zurich.com.my jika anda ada sebarang pertanyaan.</p>
--	--	--

8.	<p>Apakah prosedur / dokumen yang perlu dikembalikan kepada Zurich untuk tujuan semakan semula premium perubatan saya?</p> <p>Bergantung kepada kaedah pembayaran premium semasa anda, anda mungkin perlu membuat pengaturan lanjut dengan bank anda agar kami boleh mengutip amaun baharu. Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk maklumat lanjut.</p> <table border="1" data-bbox="280 943 1465 1570"> <thead> <tr> <th data-bbox="280 943 563 1003">Kaedah Pembayaran Semasa</th> <th data-bbox="563 943 1465 1003">Apakah tindakan yang harus saya ambil?</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="280 1003 563 1126">Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had amaun transaksi)</td> <td data-bbox="563 1003 1465 1126">Tiada perubahan ke atas pengaturan pembayaran semasa anda.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="280 1126 563 1451">E-Mandat Debit Terus (Dengan had amaun transaksi)</td> <td data-bbox="563 1126 1465 1451"> <p>Sila lengkapkan Pendaftaran Debit Terus melalui pautan: https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx</p> <p>Ini agar kami boleh menolak amaun premium baharu daripada akaun bank anda.</p> <p>Untuk pendaftar sedia ada, jika had maksimum dalam borang auto-debit akaun bank anda kurang daripada premium baharu, anda boleh menukar had maksimum dengan</p> <p>1) log masuk ke portal pelanggan kami melalui https://myzurichlife.com.my atau</p> <p>2) serahkan borang baharu kepada bank untuk menukar had maksimum.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="280 1451 563 1570">Arahan Tetap dengan bank</td> <td data-bbox="563 1451 1465 1570">Sila buat pengaturan sewajarnya dengan bank anda untuk mengemaskini Arahan Tetap sedia ada agar amaun premium baharu boleh dibayar kepada kami.</td> </tr> </tbody> </table>		Kaedah Pembayaran Semasa	Apakah tindakan yang harus saya ambil?	Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had amaun transaksi)	Tiada perubahan ke atas pengaturan pembayaran semasa anda.	E-Mandat Debit Terus (Dengan had amaun transaksi)	<p>Sila lengkapkan Pendaftaran Debit Terus melalui pautan: https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx</p> <p>Ini agar kami boleh menolak amaun premium baharu daripada akaun bank anda.</p> <p>Untuk pendaftar sedia ada, jika had maksimum dalam borang auto-debit akaun bank anda kurang daripada premium baharu, anda boleh menukar had maksimum dengan</p> <p>1) log masuk ke portal pelanggan kami melalui https://myzurichlife.com.my atau</p> <p>2) serahkan borang baharu kepada bank untuk menukar had maksimum.</p>	Arahan Tetap dengan bank	Sila buat pengaturan sewajarnya dengan bank anda untuk mengemaskini Arahan Tetap sedia ada agar amaun premium baharu boleh dibayar kepada kami.
Kaedah Pembayaran Semasa	Apakah tindakan yang harus saya ambil?									
Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had amaun transaksi)	Tiada perubahan ke atas pengaturan pembayaran semasa anda.									
E-Mandat Debit Terus (Dengan had amaun transaksi)	<p>Sila lengkapkan Pendaftaran Debit Terus melalui pautan: https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx</p> <p>Ini agar kami boleh menolak amaun premium baharu daripada akaun bank anda.</p> <p>Untuk pendaftar sedia ada, jika had maksimum dalam borang auto-debit akaun bank anda kurang daripada premium baharu, anda boleh menukar had maksimum dengan</p> <p>1) log masuk ke portal pelanggan kami melalui https://myzurichlife.com.my atau</p> <p>2) serahkan borang baharu kepada bank untuk menukar had maksimum.</p>									
Arahan Tetap dengan bank	Sila buat pengaturan sewajarnya dengan bank anda untuk mengemaskini Arahan Tetap sedia ada agar amaun premium baharu boleh dibayar kepada kami.									